

TEKS UCAPAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N20 SUNGAI BAKAP

Assalamualaikum wbt, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Yang Berhormat Tuan Speaker Dewan
Pegawai-pegawai Persidangan
Yang Berhormat Kerajaan dan Yang Berhormat Pembangkang

Terima kasih kepada Yang di-Pertua DUN yang sudi memberikan peluang kepada saya untuk bergiat aktif dengan mengambil bahagian dalam sesi hari ini. Ucapan saya pada hari ini akan berkisar cadangan berikut yang tidak sewajarnya dianaktirikan oleh pihak kerajaan:

- **Pembinaan Litar Lumba Drag di Negeri Pulau Pinang**

Infrastruktur yang Bermanfaat dan Berpotensi Besar

Saban tahun, kes kemalangan jalan raya melibatkan kehilangan nyawa dan kerugian harta benda berpunca daripada kegiatan lumba haram yang menyayat hati rakyat Malaysia begitu banyak terpapar di dalam media massa. Malah, negeri Pulau Mutiara turut menerima tempiasnya. Tambahan pula, negeri ini turut menjadi antara lubuk terkenal bagi kegiatan lumba haram ini berlangsung dengan julukan negeri 'anak antoo'. Baru-baru ini, sekitar bulan Julai 2022, kita telah dikejutkan dengan peristiwa meragut nyawa akibat lumba haram yang turut melibatkan pengguna jalan raya di Lebuh raya Tun Dr Lim Chong Eu. Kita bukan sahaja simpati dengan kehilangan nyawa anak tempatan, malah impak negatif turut dirasai oleh pengguna jalan raya lain yang benar-benar mengikuti peraturan jalan raya.

Dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan pembinaan suatu infrastruktur litar lumba khusus untuk kelangsungan sukan permotoran di negeri Pulau

Pinang ini. Litar lumba drag telah menjadi tulang belakang dalam sukan permotoran khususnya perlumbaan drag. Di beberapa buah negara, sudah adanya litar lumba drag tersebut misalnya Amerika Syarikat, UK, Australia dan Afrika Selatan. Kemudahan awam tersebut berperanan penting dalam menyediakan persekitaran yang selamat dan terkawal serta kondusif bagi perlumbaan kenderaan bermotor seperti motosikal dan kereta. Sebagai justifikasi, litar tersebut mestilah dibina dengan reka bentuk, jarak dan permukaan yang dititikberatkan untuk menjamin aksi yang maksimum dan keselamatan para pengguna. Bukan itu sahaja, 'anak antoo' atau pelumba motor di jalan raya akan mengubah angin mereka untuk menonjolkan skil mereka serta bersaing sesama mereka di litar lumba drag tersebut dengan mematuhi undang-undang yang telah digariskan. Oleh itu, infrastruktur tersebut berpotensi tinggi menjadi sebuah platform perlumbaan yang sihat serta sah di sisi undang-undang dalam negara kita.

Berikut merupakan rasional pembinaan litar lumba drag yang sudah pastinya akan memberi faedah besar kepada kerajaan:

1. Sumber Pendapatan Baharu Kerajaan Negeri

Infrastruktur litar lumba drag yang dibangunkan mampu merangsang peningkatan pendapatan kerajaan melalui usahasama kerajaan negeri bersama-sama industri pelancongan tempatan serta agensi luar. Hal ini secara tidak langsung sebuah peluang pekerjaan yang mega dapat diperuntukkan oleh kerajaan negeri khususnya buat anak tempatan kita. Kita lihat di sebelah Eropah, suatu event dikenali sebagai FIA/FIM yang dianjurkan oleh Santa Pod Raceway di UK merupakan salah satu acara lumba drag terbesar di sana. Hasilnya, ribuan peminat lumba dari seluruh dunia berjaya ditarik untuk menyaksikan acara tersebut. Impaknya, sektor ekonomi tempatan mereka mendapat suntikan yang signifikan. Oleh itu, saya optimis bahawa sekiranya prasarana litar lumba drag ini dapat direalisasikan, kemudahan tersebut berupaya menjadi sebuah platform terbaik dalam

menjana sumber kewangan baharu kerajaan negeri selain sektor pelancongan negeri kita turut dapat dipromosikan khususnya terhadap golongan muda melalui pelbagai inisiatif menarik yang dapat dilaksanakan seperti penajaan jenama dari dalam negara mahupun luar negara dan pelibatan aktif anak-anak muda negeri kita.

2. Memacu Kespesatan Sektor Teknologi dan Inovasi

Bukan setakat itu sahaja, jika litar lumba drag ini berjaya kita laksanakan, sektor teknologi dan inovasi negeri kita iaitu secara spesifiknya industri automotif dapat dipacu. Justifikasinya, kemudahan litar tersebut sudah pastinya akan mewujudkan sebuah persaingan yang berdaya saing bagi menghasilkan teknologi automotif yang terbaik hasil air tangan anak tempatan kita sendiri. Dengan ini, kadar pelaburan dalam sektor tersebut akan terjamin malahan mampu mengimbangi persaingan antara syarikat automotif tempatan dan luar negara. Dalam hal ini, pihak kerajaan negeri disarankan untuk menyediakan insentif yang lumayan buat pemaju teknologi automotif dalam kalangan rakyat tempatan yang berjaya mencipta teknologi-teknologi automotif yang inovatif dan mempunyai nilai tambah tertentu untuk dibawa hingga ke persada antarabangsa. Sebagai contoh, industri automotif yang progresif dan tidak asing lagi di mata dunia yang dimiliki oleh negara Jepun didorong oleh pelbagai insentif termasuklah pemberian subsidi untuk penyelidikan dan pembangunan, insentif cukai serta sokongan kewangan berupa pinjaman pembiayaan rendah untuk membangunkan produk baharu.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Hafiz Ziqri bin Mohd Suhaimi

N20 Sungai Bakap

Sidang Muda 2022/23